

# Pembangunan dituntut agama

Oleh WAN ZULKIFLI WAN YAACOB

**KOTA BHARU** 3 Ogos – Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi menegaskan, beliau menggerakkan dasar pemerintahan berteraskan Islam Hadhari bagi membolehkannya menunjuk arah sebenar kepada rakyat dan membangunkan negara dengan dasar-dasar yang selari dengan tuntutan agama.

Menurut Perdana Menteri, dengan tanggungjawab yang kian banyak dan mencahar, beliau memikul pemerintahan agar selari dengan tuntutan agama melalui dasar-dasar yang dapat diterima, dinikmati dan tidak dicurigai oleh rakyat pelbagai kaum dan agama.

Dalam ucapannya ketika merasmikan Multaqa Ulama dan Intelektual Islam Negeri Kelantan 2007 di sini hari ini, beliau mengetepikan teks ucapan yang dibawanya dari Putrajaya.

Pada majlis yang turut dihadiri Mufti Kelantan, Datuk Hasbullah Mohd. Has-

san; Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Aiseri Alias, para pemimpin UMNO negeri dan pemimpin masyarakat negeri ini, Perdana Menteri berkata:

“Saya ketepikan teks (ucapan) hari ini kerana sebagai Perdana Menteri, saya ingin bercakap dari hati ke hati dengan para ulama di sini.”

Katanya: “Saya selaku Perdana Menteri tentu hendak buat pendekatan baru, nak buat petunjuk arah, kalau tak betul, semua sesat.

“Tetapi saya tidak mahu menjadi Perdana Menteri yang menyesatkan, saya tidak mahu menjadi Perdana Menteri yang dimarahi Allah, minta disimpangkan jauh.”

Menurut Abdullah, dengan masalah yang banyak dalam usaha mengangkat martabat bangsa dan negara, dasar pemerintahan yang pragmatik perlu difikirkan dan dilaksanakan bagi menjayakan segala bentuk pembangunan yang dirahmati Allah.

Beliau berkata, 10 prinsip yang terkandung dalam konsep Islam Hadhari adalah pendekatan paling sesuai untuk membangunkan modal insan termasuk dalam

Um - 4/8/2007

kalangan mereka yang bukan Islam.

Beliau menjelaskan, sebagaimana yang ditekankan sebelum ini, Islam Hadhari bukan mazhab baru dalam Islam atau ‘Kumpulan Pak Lah’ tetapi ia merupakan konsep yang dilengkapi asas nilai sebenar dalam ajaran Islam.

Pendekatan Islam Hadhari, kata Abdullah, dapat diterima oleh rakyat pelbagai kaum kerana ia menekankan pemerintahan yang memberi keadilan kepada semua pemimpin beragama Islam.

Katanya, rakyat pelbagai kaum tidak berasa terancam.

Beliau berkata, usaha untuk meningkatkan kehidupan rakyat dengan membebaskan mereka daripada belenggu kemiskinan dan kemunduran serta melonjakkan martabat bangsa bukan sesuatu yang dianggap sombong.

“Begitu juga bagi mengejar kemajuan dan mencapai kecemerlangan, ia bukanlah sesuatu yang boleh dianggap taksub dan riak,” ujarnya.

Sehubungan itu, Perdana Menteri me-

ngajak semua pihak bersatu tenaga menayakan misi besar negara dan jangan bermain politik dengan menolak dasar Islam Hadhari.

Multaqa Ulama dan Intelektual Islam Negeri Kelantan 2007 yang pertama kali diadakan di negeri ini dianjurkan oleh Majlis Kemajuan Kelantan dan Jabatan Pembangunan Persekutuan.

Program yang menghimpunkan para ulama serta cendekiawan anak negeri itu dianjurkan bagi membantu menggariskan strategi pembangunan modal insan kelas pertama di kalangan rakyat.

Tiga kertas kerja dibentangkan dalam persidangan itu termasuk *Islam Hadhari Menjana Kegemilangan Ummah* oleh Timbalan Mufti Kelantan, Datuk Mohd. Shukri Mohamad.

Turut membentangkan kertas kerja ialah bekas Pengarah Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya (UM), Dr. Abdul Hayei Abdul Sukor dan Datuk Prof. Mahmud Zuhdi Abd Majid dari Jabatan Fikh dan Usul UM.